

Malaysia sokong gencatan senjata berkekalan Palestin

Oleh MOHD. HUSNI
MOHD. NOOR
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia menyokong penuh cadangan memuktamadkan gencatan senjata berkekalan di Palestin dan Israel seperti dicadangkan tiga negara iaitu Qatar, Mesir dan Amerika Syarikat (AS).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, susulan itu, AS diminta lebih tegas terhadap Israel sementara Malaysia masih memberi sokongan kuat terhadap cadangan dikemukakan itu.

Beliau berkata, mesyuarat Jemaah Menteri semalam turut berbincang isu tersebut malah, memberi sokongan kepada Mesir, Qatar dan AS.

“Saya percaya ia (cadangan) lebih lunak berdasarkan apa yang saya pernah bincangkan dengan pimpinan Hamas sebelum ini.

“Sementara kita sokong kuat cadangan ini, kita menuntut AS bertindak lebih tegas terhadap Israel kerana ini adalah kedegilan dan keangkuan mereka.

“(Ini) kerana terlalu banyak bencana dan kesengsaraan yang telah berlaku,” katanya ketika ditemui selepas melancarkan Modul Latihan Kenegaraan Malaysia Madani di sini, semalam.

Katanya, cadangan AS mene-



ANWAR Ibrahim melakukan gimik menekan telefon bimbit dalam Majlis Peluncuran Modul Latihan Kenegaraan Malaysia di Dewan Seri Siantan, Perbadanan Putrajaya, semalam.- UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

rusi Presiden Joe Biden bersama Qatar dan Mesir untuk meletakkan beberapa prinsip mencapai kedamaian segera yang lebih mantap di Israel dan Palestin ialah untuk menghentikan serangan ganas di Gaza.

Terdahulu, Qatar, AS dan Mesir menyeru Hamas dan Israel memuktamadkan perjanjian merangkumi prinsip digariskan oleh Biden.

Ketiga-tiga negara itu menjadi pengantara dalam perbincangan berterusan untuk gencatan senjata di Gaza dan pembebasan tawanan.

Sementara itu, Anwar berkata, modul Latihan Kenegaraan

Malaysia Madani yang dilancarkan dirangka untuk menyemarakkan semula semangat kenegaraan dalam kalangan anak muda di negara ini.

Beliau berkata, modul dibangunkan Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM) itu diubah suai mengikut pengalaman sebelum ini (Program Latihan Khidmat Negara) dan input daripada semua pihak.

Beliau berkata, modul latihan ini direka bagi menghargai sumbangan pemimpin dan pejuang kemerdekaan terdahulu sama ada di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

“Mereka (pejuang kemerdekaan)

ini mempunyai banyak jasa dalam mengangkat martabat negara. Bagaimanapun, tidak semestinya pejuang kemerdekaan sahaja sebaliknya dorongan rakyat perlu diambil kira.

“Kita hargai sumbangan pimpinan dan rakyat di zaman silam. Dalam kita bicara soal kemerdekaan jangan dilupa daya juang rakyat.

“Bayangkan ibu bapa mungkin sanggup menyerahkan cincin gelang dan rantai bekal untuk biayai pemimpin negara terbang ke London bagi perbincangan menuntut kemerdekaan,” katanya.